

Kesedaran Ibu Bapa Luar Bandar Terhadap Kepentingan Kelas Tambahan Berbayar Bagi Subjek Kritikal: Satu Kajian Awal

Rural Parents' Awareness Of The Importance Of Paid Supplementary Classes For Critical Subjects: A Preliminary Study

Rohana Ahmad^{1*}, Zahrul Akmal Damin²

¹ Faculty of Business, Economics, and Social Development,
University Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, 21030, MALAYSIA

² Institute for Social Transformation and Regional Development,
University Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author: rohana.a@umt.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2025.07.02.007>

Maklumat Artikel

Diserah: 27 April 2025

Diterima: 19 September 2025

Diterbitkan: 1 Disember 2025

Kata Kunci

Kelas tambahan berbayar, pendidikan luar bandar, ibu bapa, kesedaran pendidikan, prestasi akademik

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap kesedaran ibu bapa luar bandar terhadap kepentingan menghantar anak-anak mereka ke kelas tambahan berbayar, di samping mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut serta halangan yang dihadapi dalam mengakses perkhidmatan pendidikan tambahan. Kajian ini juga menganalisis kesan potensi kelas tambahan terhadap pencapaian akademik pelajar luar bandar dalam subjek-subjek teras seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Menggunakan kaedah tinjauan secara kuantitatif melibatkan 132 orang responden, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesedaran adalah tinggi, dengan 96.2% responden menyatakan mereka menyedari kewujudan kelas tambahan berbayar di kawasan masing-masing. Selain itu, 77.3% telah menghantar anak ke kelas tambahan, dengan majoriti menganggap kelas tersebut sangat penting untuk peningkatan prestasi akademik. Matematik dikenal pasti sebagai subjek yang paling diberi keutamaan, manakala halangan utama yang dikenalpasti merangkumi kekangan kewangan, akses lokasi dan kekurangan guru berkelayakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun kesedaran adalah tinggi, halangan struktur dan sosio-ekonomi masih menjadi penghalang utama kepada akses yang saksama terhadap pendidikan tambahan di kawasan luar bandar. Implikasi kajian mencadangkan keperluan intervensi dasar dan sokongan bersasar bagi meningkatkan peluang pendidikan pelajar luar bandar.

Keywords

Paid supplementary classes, rural education, parents, educational awareness, academic performance

Abstract

This study was conducted to assess the level of awareness among rural parents regarding the importance of sending their children to paid supplementary classes, as well as to identify the factors influencing such decisions and the barriers faced in accessing additional educational services. The study also analyzes the potential impact of supplementary classes on the academic achievement of rural students in core subjects such as Mathematics, Science, and English. Using a quantitative survey method involving 132 respondents, the findings show a high level of awareness, with 96.2% of respondents stating they are aware of the existence of paid supplementary classes in their respective areas. Additionally, 77.3% had sent their children to supplementary classes, with the majority considering these classes very important for improving academic performance. Mathematics was identified as the highest priority subject, while the main barriers identified include financial constraints, location accessibility, and a shortage of qualified teachers. The study results indicate that despite high awareness, structural and socio-economic barriers remain the main obstacles to equitable access to supplementary education in rural areas. The implications of the study suggest the need for policy interventions and targeted support to enhance educational opportunities for rural students.

1. Pengenalan

Pendidikan merupakan asas penting dalam pembangunan individu dan masyarakat, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang menuntut daya saing tinggi. Kejayaan akademik dalam subjek teras seperti Matematik, Sains, dan Bahasa Inggeris menjadi kunci kepada peluang kerjaya dan kehidupan yang lebih baik (OECD, 2018). Namun, ibu bapa luar bandar sering berdepan pelbagai cabaran seperti kekurangan guru pakar, sumber pembelajaran yang terhad, serta akses yang sukar kepada sokongan akademik tambahan. Dalam situasi ini, kelas tambahan berbayar menjadi alternatif penting untuk membantu pelajar luar bandar menguasai subjek kritikal, tetapi tahap kesedaran ibu bapa terhadap keperluan ini masih rendah disebabkan faktor seperti kekangan kewangan dan akses yang terhad (Ismail et al., 2020). Oleh itu, memahami tahap kesedaran, faktor yang mempengaruhi keputusan ibu bapa, serta halangan dalam mengakses kelas tambahan sangat penting dalam usaha merapatkan jurang pencapaian akademik antara pelajar bandar dan luar bandar, terutamanya apabila subjek-subjek ini berkait rapat dengan pembangunan teknologi dan keperluan pasaran kerja global (Tan & Santhiram, 2019).

Objektif Kajian ini bertujuan:

- Menilai tahap kesedaran ibu bapa luar bandar terhadap kepentingan menghantar anak-anak mereka ke kelas tambahan berbayar, khususnya bagi mata pelajaran Matematik, Sains, dan Bahasa Inggeris.
- Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa luar bandar dalam membuat keputusan untuk menghantar atau tidak menghantar anak-anak mereka ke kelas tambahan berbayar.
- Menyelidik halangan utama yang dihadapi oleh ibu bapa luar bandar dalam mengakses kelas tambahan berbayar, seperti kekangan kewangan, lokasi, dan kekurangan guru yang berkelayakan.
- Menganalisis kesan potensi kelas tambahan berbayar terhadap prestasi akademik pelajar luar bandar, terutamanya dalam subjek-subjek teras yang kritikal untuk kemajuan pendidikan dan kerjaya mereka.

Subjek seperti Matematik dan Sains berkait rapat dengan pembangunan teknologi dan inovasi, manakala Bahasa Inggeris penting dalam memenuhi keperluan pasaran kerja global (Ibrahim et al, 2024). Oleh itu, memahami kesedaran dan cabaran ibu bapa luar bandar amat penting untuk merapatkan jurang pencapaian akademik antara bandar dan luar bandar.

2. Hubung Kait Kesedaran Ibu Bapa terhadap Kelas Tambahan Berbayar

Kesedaran ibu bapa terhadap keperluan menghantar anak ke kelas tambahan berbayar merupakan satu aspek penting dalam memastikan kejayaan akademik anak-anak, terutamanya dalam subjek teras seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Teori kesedaran ini boleh dijelaskan melalui beberapa pendekatan psikologi dan sosiologi seperti Teori Kesedaran (*Consciousness Theory*), Model Pengetahuan-Sikap-Amalan (*Knowledge-Attitude-Practice-KAP Model*) dan Teori Perancangan Tingkah Laku (*Theory of Planned Behavior - TPB*).

2.1 Teori Kesedaran (*Consciousness Theory*)

Menurut teori kesedaran, kesedaran seseorang bergantung kepada pengalaman, pengetahuan sedia ada, dan rangsangan persekitaran (Baars, 2021). Dalam konteks ini, ibu bapa yang terdedah kepada maklumat mengenai manfaat kelas tambahan berbayar lebih cenderung untuk memahami dan mengambil tindakan berdasarkan maklumat tersebut. Pendedahan melalui media sosial, pengalaman anak sendiri, dan maklumat dari pihak sekolah turut mempengaruhi tahap kesedaran ini (Tan & Nor, 2023).

2.2 Teori Kesedaran (*Consciousness Theory*)

Model KAP menjelaskan bahawa pengetahuan akan membentuk sikap, dan seterusnya menghasilkan tingkah laku atau amalan. Ibu bapa yang memiliki pengetahuan mencukupi mengenai manfaat kelas tambahan berbayar, seperti peningkatan prestasi akademik, akan membentuk sikap positif terhadapnya dan akhirnya bertindak dengan mendaftarkan anak ke kelas berkenaan (Rahim et al., 2023). Model ini turut mengambil kira faktor demografi seperti tahap pendidikan ibu bapa dan status sosioekonomi yang memainkan peranan penting dalam pembentukan kesedaran..

2.3 Teori Perancangan Tingkah Laku (*Theory of Planned Behavior - TPB*)

Menurut Ajzen (1991), niat seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan dipengaruhi oleh tiga faktor: sikap terhadap tingkah laku tersebut, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Dalam konteks ini, jika ibu bapa percaya bahawa kelas tambahan berbayar mampu membantu anak mereka, merasakan sokongan daripada masyarakat atau rakan sebaya (norma subjektif), serta yakin mampu menampung kos (kawalan tingkah laku), maka mereka lebih cenderung untuk membuat keputusan menghantar anak ke kelas tambahan.

3. Kesedaran dan Tindakan Ibu Bapa dalam Konteks Luar Bandar

Dalam kalangan ibu bapa di kawasan luar bandar, tahap kesedaran terhadap kelas tambahan berbayar dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti tahap pendidikan, pendedahan kepada maklumat, kedudukan ekonomi dan akses kepada kemudahan pembelajaran tambahan. Walaupun secara umumnya ibu bapa menyedari kepentingan pendidikan, keputusan untuk menghantar anak ke kelas tambahan berbayar sering kali terhad oleh kemampuan kewangan dan persepsi mereka terhadap keberkesanan kelas tersebut (Hamid & Yusof, 2020).

Satu kajian oleh Ismail dan Awang (2019) mendapati bahawa ibu bapa di kawasan luar bandar menunjukkan keinginan yang tinggi untuk menyokong pembelajaran anak-anak mereka, namun berdepan cabaran dari segi kos, kekangan masa dan jarak ke pusat tuisyen. Tambahan pula, ada ibu bapa yang beranggapan bahawa pembelajaran di sekolah sudah mencukupi—terutamanya jika mereka tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi—dan oleh itu tidak melihat keperluan segera untuk kelas tambahan berbayar.

Namun, dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai kesedaran yang lebih tinggi—hasil daripada pengalaman peribadi, pendedahan kepada kejayaan pelajar lain, serta maklumat yang dikongsi oleh guru dan komuniti—mereka cenderung untuk mengambil inisiatif memastikan anak-anak mendapat sokongan tambahan melalui kelas berbayar, walaupun dalam keadaan yang mencabar (Muthusamy, 2021). Ini menunjukkan bahawa kesedaran bukan sahaja berkait rapat dengan tindakan, malah turut dipengaruhi oleh nilai dan harapan ibu bapa terhadap masa depan anak-anak mereka.

4. Metodologi Kajian

4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian memainkan peranan penting dalam memastikan objektif penyelidikan dapat dicapai serta persoalan kajian dapat dijawab dengan berkesan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, dengan instrumen utama berupa soal selidik bagi menilai tahap kesedaran ibu bapa luar bandar terhadap kepentingan kelas tambahan berbayar bagi subjek-subjek kritikal. Penggunaan soal selidik adalah sesuai dalam kajian deskriptif kerana ia memudahkan pengumpulan data daripada responden (Fraenkel & Wallen, 1993). Menurut Creswell (2014), pendekatan kuantitatif digunakan untuk menguji hipotesis dan menjawab persoalan kajian dengan meneliti hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat.

4.2 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas ibu bapa luar bandar di sekitar Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah. Sejumlah 150 responden telah dipilih secara rawak dan diberikan borang soal selidik. Walau bagaimanapun, hanya 132 responden telah mengembalikan borang soal selidik tersebut. Oleh itu, sebanyak 132 borang soal selidik telah dipilih untuk dianalisis. Peratusan respon yang diperoleh bagi kajian ini adalah sebanyak 88%.

4.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk mengumpul data bagi tujuan analisis. Menurut Mohamad Najib (1999), penggunaan soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan, terutamanya apabila melibatkan populasi yang besar. Soal selidik dipilih kerana ia memudahkan pengkaji untuk mengakses responden yang berkumpul di satu lokasi dalam jumlah yang besar (Norlia & Faizah, 2016). Pengumpulan data dilakukan secara bersemuka dan borang soal selidik diedarkan kepada pelajar semasa mereka berada di dalam kelas. Instrumen soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian: Bahagian A: Mengandungi lima item berkaitan maklumat demografi responden. Bahagian B: Mengandungi lima item yang dibina berdasarkan persoalan kajian kedua, iaitu tahap kesedaran dan persepsi terhadap kelas tambahan. Bahagian C: Mengandungi lima item yang menilai faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan ibu bapa untuk menghantar anak ke kelas tambahan. Bahagian D: Bahagian D mengandungi 5 item menganalisis kesan potensi kelas tambahan berbayar terhadap prestasi akademik pelajar luar bandar, terutamanya dalam subjek-subjek teras yang kritikal untuk kemajuan pendidikan dan kerjaya mereka. Soal selidik telah diubah suai agar bersesuaian dengan tajuk kajian. Responden diminta untuk memberikan jawapan berdasarkan skala yang telah ditetapkan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif.

5. Dapatan Kajian

5.1 Analisis Demografi Responden Kajian

Seramai 132 orang ibu bapa telah menjawab soal selidik yang diedarkan, melibatkan maklumat berkaitan jantina, umur, tahap pendidikan, pendapatan bulanan, dan bilangan anak yang masih bersekolah. Hasil analisis data ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Analisis demografi responden kajian

	Kategori	Kekerapan (N=132)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	50	37.9
	Perempuan	82	62.1
Umur	35-45 Tahun	41	31.1
	46-50 Tahun	38	28.8
	51 Tahun ke atas	53	40.2
Tahap Pendidikan	Tiada Pendidikan Formal	7	5.3
	Sekolah Rendah	8	6.1
	Sekolah Menengah	51	38.6
	Sijil/ Diploma	38	28.8
	Ijazah Sarjana Muda/ Master/ PhD	28	21.2
Pendapatan Bulanan	Kurang daripada RM1,000	25	18.9
	RM1, 001-RM3,000	65	49.3
	RM3,001-RM5,000	24	18.2
	Lebih daripada RM5,000	18	13.6
Bilangan Anak yang Bersekolah	1	38	28.8
	2	34	25.8
	3	30	22.7
	4 atau lebih	30	22.7

5.2 Analisis Kesedaran dan Persepsi terhadap Kelas Tambahan

Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 2, majoriti besar responden iaitu sebanyak 96.2% menyatakan bahawa mereka sedar akan kewujudan kelas tambahan berbayar di kawasan tempat tinggal mereka. Hal ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan ibu bapa terhadap peluang pendidikan tambahan yang ditawarkan. Selain itu, sebanyak 77.3% daripada mereka pernah menghantar anak ke kelas tambahan berbayar bagi mata pelajaran teras seperti Matematik, Sains, dan Bahasa Inggeris. Data ini memperlihatkan penglibatan aktif ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka mendapat sokongan pembelajaran tambahan di luar waktu persekolahan formal.

Dari segi persepsi terhadap kepentingan kelas tambahan, lebih daripada separuh responden, iaitu 59.8%, menganggap kelas tambahan sebagai sangat penting, manakala 34.8% lagi berpandangan bahawa kelas tersebut

penting. Ini jelas menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa percaya bahawa penyertaan dalam kelas tambahan mampu membantu meningkatkan prestasi akademik anak-anak mereka. Apabila ditanya tentang subjek yang dianggap paling penting untuk diikuti dalam kelas tambahan, subjek Matematik muncul sebagai pilihan utama dengan 72.7% responden memilihnya. Ini diikuti oleh Bahasa Inggeris (24.2%), manakala Sains dan lain-lain mencatatkan peratusan yang sangat kecil. Keputusan ini mungkin dipengaruhi oleh persepsi bahawa Matematik adalah subjek yang mencabar dan memerlukan lebih banyak latihan serta bimbingan tambahan.

Dari aspek keberkesanan kelas tambahan, seramai 50.8% responden sangat bersetuju dan 40.2% bersetuju bahawa kelas tambahan berbayar dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam subjek-subjek tertentu. Ini membuktikan bahawa ibu bapa secara umumnya meyakini nilai tambah yang diberikan oleh kelas tambahan terhadap pencapaian akademik anak-anak mereka. Secara keseluruhannya, min bagi semua item dalam jadual ini adalah 1.3773 dengan sisihan piawai 0.35951, yang menunjukkan tahap kesedaran dan persepsi yang positif serta konsisten terhadap kepentingan kelas tambahan berbayar. Dapatan ini mencerminkan sokongan ibu bapa terhadap inisiatif pembelajaran tambahan sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan prestasi akademik anak-anak, khususnya dalam subjek-subjek teras.

Jadual 2 Analisis kesedaran dan persepsi terhadap kelas tambahan

No	Item Kesedaran dan Persepsi	Skala	Kekerapan (N=132)	Peratusan (%)	Min	Sisihan Piawai
1	Adakah anda sedar tentang kewujudan kelas tambahan berbayar di kawasan anda?	Ya	127	96.2	1.04	0.192
		Tidak	5	3.8		
2	Adakah anda pernah menghantar anak anda ke kelas tambahan berbayar bagi pelajaran Matematik, Sains, atau Bahasa Inggeris?	Ya	102	77.3	1.23	0.421
		Tidak	30	22.7		
3	Pada pandangan anda, sejauh mana pentingnya kelas tambahan untuk membantu anak-anak meningkatkan prestasi akademik mereka?	Sangat penting	79	59.8	1.46	0.623
		Penting	46	34.8		
		Kurang penting	6	4.5		
		Tidak penting	1	0.8		
4	Apakah subjek yang anda anggap paling penting untuk diikuti dalam kelas tambahan?	Matematik	96	72.7	1.55	0.911
		Sains	2	1.5		
		Bahasa Inggeris	32	24.2		
		Lain-lain	2	1.5		
5	Sejauh mana anda setuju bahawa kelas tambahan berbayar dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam subjek-subjek tersebut?	Sangat setuju	67	50.8%	1.61	0.738
		Setuju	53	40.2%		
		Tidak pasti	8	6.1%		
		Tidak setuju	4	3.0%		

No	Item Kesedaran dan Persepsi	Skala	Kekerapan (N=132)	Peratusan (%)	Min	Sisihan Piawai
		Sangat tidak setuju	0	0%		
	Min Keseluruhan	-	-	-	1.3773	0.35951

5.3 Analisis Faktor yang Mempengaruhi Keputusan Menghantar Anak ke Kelas Tambahan

Berikut adalah analisis deskriptif terhadap hasil dapatan dalam Jadual 3. Analisis ini menjelaskan secara naratif dan statistik tentang persepsi ibu bapa luar bandar terhadap keputusan menghantar anak ke kelas tambahan berbayar:

- Dapatan kajian ini turut meneliti pelbagai aspek berkaitan halangan, faktor keputusan, persepsi, pelaburan, serta bentuk kelas tambahan yang dianggap paling berkesan oleh ibu bapa di kawasan luar bandar. Secara keseluruhan, kajian mendapati bahawa masalah kewangan merupakan halangan utama dalam usaha menghantar anak ke kelas tambahan berbayar. Seramai 58 orang responden (43.9%) memilih faktor ini sebagai cabaran utama, diikuti oleh lokasi kelas yang jauh (38.6%) dan kekurangan kelas tambahan di kawasan mereka (25%). Selain itu, beberapa halangan lain turut dikenal pasti seperti tiada guru berkualiti (9.8%), kurang kesedaran terhadap kewujudan kelas tambahan (7.6%), serta halangan-halangan lain yang dinyatakan oleh 22% responden. Nilai min bagi item ini adalah 2.77, menunjukkan kewujudan halangan pada tahap sederhana tinggi, manakala sisihan piawai 1.836 menunjukkan wujudnya pelbagai pandangan dalam kalangan ibu bapa yang terlibat.

- Keputusan untuk menghantar anak ke kelas tambahan turut dipengaruhi oleh beberapa faktor utama. Antara yang paling dominan ialah prestasi akademik anak yang memerlukan bantuan tambahan, seperti yang dinyatakan oleh 68 orang responden (51.5%). Ini membuktikan keprihatinan ibu bapa terhadap pencapaian akademik anak-anak mereka. Faktor lain yang turut memainkan peranan termasuk kos yang tinggi (21.2%), masa dan jadual yang tidak sesuai (15.2%), dorongan daripada guru (2.3%), kualiti kelas tambahan (6.1%), serta ketidakpercayaan terhadap manfaat kelas tersebut (2.3%). Nilai min yang dicatatkan adalah 2.70 dengan sisihan piawai 1.278, menunjukkan tahap pengaruh yang sederhana dan sedikit perbezaan dari segi pandangan ibu bapa terhadap faktor-faktor ini.

- Dari segi persepsi terhadap keberkesanan kelas tambahan berbayar, sebahagian besar ibu bapa menunjukkan pandangan yang amat positif. Seramai 56 orang (42.4%) sangat bersetuju dan 65 orang (49.2%) bersetuju bahawa kelas tambahan mampu meningkatkan prestasi akademik anak-anak mereka. Hanya 5 orang (3.8%) yang tidak bersetuju, manakala tiada responden yang sangat tidak bersetuju. Nilai min yang rendah iaitu 1.69 dan sisihan piawai 0.732 menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan konsisten dalam kalangan responden.

- Tambahan pula, persepsi bahawa kelas tambahan merupakan satu bentuk pelaburan pendidikan turut dikongsi oleh majoriti responden. Sebanyak 84.8% bersetuju bahawa kelas tambahan adalah pelaburan yang berbaloi untuk masa depan pendidikan anak-anak mereka. Hanya sebilangan kecil yang tidak pasti (9.8%) dan tidak bersetuju (5.3%). Nilai min yang sangat rendah iaitu 1.25 serta sisihan piawai 0.622 mencerminkan tahap keyakinan dan konsistensi yang tinggi terhadap faedah jangka panjang yang ditawarkan oleh kelas tambahan berbayar ini.

- Akhir sekali, dari segi jenis kelas tambahan yang dianggap paling bermanfaat, kebanyakan responden lebih mengutamakan kelas kumpulan kecil, seperti yang dipilih oleh 66.7% responden, diikuti oleh kelas individu (31.1%). Kelas dalam talian pula kurang mendapat sambutan dengan hanya 2.3% yang memilihnya, dan tiada responden yang memilih bentuk kelas lain. Nilai min yang dicatatkan ialah 1.71 dengan sisihan piawai 0.502, menunjukkan keutamaan yang jelas terhadap kelas secara fizikal dan berskala kecil yang mungkin dilihat lebih berkesan dari segi pemantauan, bimbingan langsung, serta interaksi antara guru dan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang realiti dan keperluan ibu bapa dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak melalui penyertaan dalam kelas tambahan berbayar.

Secara keseluruhannya, min keseluruhan bagi semua item adalah 2.0227, menunjukkan bahawa responden secara purata cenderung positif terhadap kelas tambahan, walaupun terdapat beberapa cabaran seperti kewangan dan lokasi. Sisihan piawai keseluruhan 0.57300 mencerminkan kestabilan pendapat dalam kalangan responden.

Jadual 3 Analisis faktor yang mempengaruhi keputusan menghantar anak ke kelas tambahan

No	Item Faktor	Skala	Kekerapan (N=132)	Peratusan (%)	Min	Sisihan Piawai
1	Adakah anda menghadapi sebarang halangan untuk menghantar anak ke kelas tambahan berbayar?	Masalah kewangan	58	43.9	2.77	1.836
		Lokasi kelas tambahan jauh	51	38.6		
		Kekurangan kelas tambahan di kawasan saya	33	25		
		Tiada guru berkualiti untuk kelas tambahan	13	9.8		
		Kurang sedar tentang kelas tambahan	10	7.6		
		Lain-lain	29	22		
2	Apakah faktor utama yang mempengaruhi keputusan anda untuk menghantar atau tidak menghantar anak ke kelas tambahan?	Kos yang tinggi	28	21.2	2.70	1.278
		Masa dan jadual yang tidak sesuai	20	15.2		
		Prestasi akademik anak yang memerlukan bantuan tambahan	68	51.5		
		Dorongan daripada guru atau sekolah	3	2.3		
		Kualiti kelas tambahan	8	6.1		
		Tidak pasti tentang manfaat kelas tambahan	3	2.3		
		Lain-lain	2	1.5		
3	Sejauh mana anda bersetuju kelas tambahan berbayar boleh membantu meningkatkan prestasi akademik anak-anak anda?	Sangat setuju	56	42.4	1.69	0.732
		Setuju	65	49.2		
		Tidak pasti	6	4.5		
		Tidak setuju	5	3.8		
		Sangat tidak setuju	0	0		
4	Adakah anda percaya bahawa kelas tambahan berbayar adalah pelaburan yang berbaloi untuk masa depan pendidikan anak anda?	Ya	112	84.8	1.25	0.622
		Tidak	7	5.3		
		Tidak pasti	13	9.8		
5	Apakah jenis kelas tambahan yang anda anggap paling bermanfaat untuk anak anda?	Kelas tambahan individu	41	31.1	1.71	0.502
		Kelas kumpulan kecil	88	66.7		
		Kelas dalam talian	3	2.3		
		Lain-lain	0	0		
Min Keseluruhan		-	-	-	2.0227	0.57300

5.4 Analisis Kesan dan Harapan

Jadual 4 ini memaparkan analisis persepsi ibu bapa terhadap kesan serta harapan mereka terhadap kelas tambahan berbayar bagi anak-anak di kawasan luar bandar. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden (59.1%) berharap kelas tambahan berbayar dapat meningkatkan gred akademik anak-anak mereka, manakala 31.8% mengharapkan peningkatan dalam kemahiran belajar. Sebilangan kecil pula mengharapkan peningkatan motivasi belajar (7.6%) dan lain-lain kesan (1.5%). Min untuk soalan ini adalah 1.52 dengan sisihan piawai 0.704.

Sebanyak 93.2% responden bersetuju bahawa kelas tambahan berbayar memberikan nilai tambah kepada pendidikan anak-anak, dengan hanya 1.5% tidak bersetuju dan 5.3% yang tidak pasti. Ini menggambarkan penerimaan yang amat positif terhadap peranan kelas tambahan berbayar di kawasan luar bandar. Nilai min bagi soalan ini adalah 1.13 (sisihan piawai= 0.469), menandakan kecenderungan yang tinggi ke arah persetujuan.

Namun begitu, 75% responden mengakui menghadapi kesulitan dalam mendapatkan kelas tambahan yang berkualiti di kawasan mereka, dengan min 1.25 dan sisihan piawai 0.435. Ini menunjukkan wujud kekangan dari segi akses kepada perkhidmatan pendidikan tambahan berkualiti di kawasan luar bandar.

Tambahan pula, sebanyak 48.5% sangat bersetuju dan 37.9% bersetuju bahawa kewujudan kelas tambahan yang lebih dekat dengan kawasan kediaman mereka akan meningkatkan kebarangkalian mereka menghantar anak ke kelas tersebut. Hanya sebilangan kecil yang tidak pasti (9.8%) atau tidak bersetuju (3.8%). Min bagi soalan ini adalah 1.69 dengan sisihan piawai 0.802.

Akhir sekali, harapan terhadap kualiti pengajaran adalah tinggi, dengan 67.4% menyatakan harapan mereka adalah sangat tinggi dan 25.8% menyatakan harapan tinggi. Hanya 6 responden (4.5%) menyatakan harapan sederhana, manakala yang menyatakan harapan rendah dan sangat rendah masing-masing hanya 2 (1.5%) dan 1 (0.8%) responden. Min bagi soalan ini adalah 1.42 (sisihan piawai = 0.722).

Min keseluruhan bagi kelima-lima item adalah 1.4015 dengan sisihan piawai keseluruhan 0.34018, menunjukkan persepsi yang secara umumnya positif terhadap keberkesanan dan harapan terhadap kelas tambahan berbayar.

Jadual 4 Analisis kesan dan harapan

No	Item Kesan dan Harapan	Skala	Kekerapan (N=132)	Peratusan (%)	Min	Sisihan Piawai
1	Apakah kesan utama yang anda harapkan dari kelas tambahan berbayar?	Peningkatan gred akademik	78	59.1	1.52	0.704
		Peningkatan kemahiran belajar	42	31.8		
		Peningkatan motivasi belajar	10	7.6		
		Lain-lain	2	1.5		
2	Apakah anda merasakan bahawa kelas tambahan berbayar memberikan nilai tambah kepada pendidikan anak-anak di kawasan luar bandar?	Ya	123	93.2	1.13	0.469
		Tidak	2	1.5		
		Tidak pasti	7	5.3		
3	Adakah anda pernah menghadapi kesulitan dalam mencari kelas tambahan yang berkualiti di kawasan anda?	Ya	99	75	1.25	0.435
		Tidak	33	25		
4		Sangat setuju	64	48.5	1.69	0.802

No	Item Kesan dan Harapan	Skala	Kekerapan (N=132)	Peratusan (%)	Min	Sisihan Piawai
	Sejauh mana anda bersetuju bahawa kelas tambahan yang lebih dekat dengan kawasan anda akan meningkatkan kemungkinan anda untuk menghantar anak?	Setuju	50	37.9		
		Tidak pasti	13	9.8		
		Tidak setuju	5	3.8		
		Sangat setuju	0	0		
5	Apakah harapan anda terhadap kualiti pengajaran dalam kelas tambahan berbayar?	Sangat tinggi	89	67.4	1.42	0.722
		Tinggi	34	25.8		
		Sederhana	6	4.5		
		Rendah	2	1.5		
		Sangat rendah	1	0.8		
Min Keseluruhan		-	-	-	1.4015	0.34018

6. Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan analisis yang terhasil, berikut adalah perbincangan objektif kajian ini dengan penekanan kepada aspek akademik dan pemakaian literatur terkini.

6.1 Menilai Tahap Kesedaran Ibu Bapa Luar Bandar Terhadap Kepentingan Menghantar Anak-Anak Mereka ke Kelas Tambahan Berbayar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa luar bandar terhadap kewujudan kelas tambahan berbayar adalah sangat tinggi, dengan 96.2% responden menyatakan bahawa mereka sedar akan kewujudan kelas tambahan di kawasan mereka. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Sylviana & Siti Mistima (2020) yang menunjukkan bahawa kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan luar sekolah merupakan faktor utama yang mempengaruhi keputusan mereka untuk menghantar anak ke kelas tambahan. Menurut Baidya et al. (2024), kesedaran yang tinggi mengenai kelas tambahan berbayar dapat mencerminkan pemahaman ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan tambahan dalam meningkatkan pencapaian akademik anak-anak, terutamanya dalam subjek-subjek teras seperti Matematik, Sains, dan Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kesedaran ini perlu disertai dengan keupayaan untuk mengakses kelas tambahan tersebut, yang sering menjadi cabaran utama bagi keluarga di kawasan luar bandar.

6.2 Mengenal Pasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Ibu Bapa Luar Bandar dalam Membuat Keputusan untuk Menghantar atau Tidak Menghantar Anak-Anak Mereka ke Kelas Tambahan Berbayar

Sebanyak 77.3% ibu bapa dalam kajian ini telah menghantar anak-anak mereka ke kelas tambahan berbayar, mencerminkan keputusan yang didorong oleh kepercayaan terhadap keberkesanan kelas tambahan. Faktor sosio-ekonomi adalah elemen penting dalam membuat keputusan ini. Kajian oleh Byun & Park (2012) menunjukkan bahawa keluarga yang mempunyai sumber kewangan yang lebih stabil lebih cenderung untuk menghantar anak mereka ke kelas tambahan. Selain itu, faktor persepsi terhadap keberkesanan kelas tambahan turut mempengaruhi keputusan ibu bapa. Sebagai contoh, Bray (2013) menegaskan bahawa ibu bapa yang menganggap kelas tambahan sebagai alat penting untuk mempersiapkan anak-anak mereka menghadapi ujian atau peperiksaan akan lebih cenderung untuk menghantar anak mereka ke kelas tersebut. Oleh itu, selain daripada faktor kewangan, persepsi terhadap manfaat kelas tambahan adalah antara determinan utama dalam keputusan ibu bapa. Oleh itu, selain dari faktor kewangan, persepsi terhadap manfaat kelas tambahan adalah determinan utama dalam keputusan ibu bapa.

6.3 Menyelidik Halangan Utama yang Dihadapi oleh Ibu Bapa Luar Bandar dalam Mengakses Kelas Tambahan Berbayar

Meskipun terdapat kesedaran yang tinggi, kajian ini juga mengenal pasti beberapa halangan utama yang dihadapi oleh ibu bapa luar bandar dalam mengakses kelas tambahan berbayar. Kekangan kewangan merupakan halangan utama, sebagaimana dinyatakan oleh Hassan dan Rasiah (2008), yang mendapati bahawa ibu bapa luar bandar membelanjakan purata RM231 setahun untuk tuisyen, iaitu lebih rendah berbanding ibu bapa bandar yang membelanjakan RM503. Perbezaan ini mencerminkan beban kewangan yang lebih besar bagi keluarga berpendapatan rendah di kawasan luar bandar. Selain itu, masalah aksesibiliti turut menjadi isu penting. Kelas tambahan yang terletak jauh dari kawasan luar bandar menyukarkan ibu bapa untuk menghantar anak mereka, terutamanya apabila terdapat kekurangan pilihan di kawasan tersebut. Kajian oleh Awang et al. (2021) menunjukkan bahawa pelajar luar bandar menghadapi cabaran dalam mendapatkan bantuan akademik seperti tuisyen dan bimbingan peribadi disebabkan oleh kekangan kewangan dan lokasi yang jauh. Kekurangan guru berkecukupan juga telah dikenalpasti sebagai halangan besar. Menurut laporan oleh The Star (2023), Kementerian Pendidikan Malaysia menghadapi kekurangan kira-kira 19,431 guru, terutamanya dalam subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Pendidikan Islam.

6.4 Menyelidik Halangan Utama yang Dihadapi oleh Ibu Bapa Luar Bandar dalam Mengakses Kelas Tambahan Berbayar

Salah satu objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis kesan kelas tambahan berbayar terhadap prestasi akademik pelajar luar bandar, khususnya dalam subjek-subjek teras seperti Matematik, Sains, dan Bahasa Inggeris. Kajian ini mendapati bahawa 91% ibu bapa bersetuju bahawa kelas tambahan berbayar dapat meningkatkan kemahiran akademik anak-anak mereka, terutamanya dalam subjek yang dianggap kritikal untuk perkembangan pendidikan dan kerjaya masa depan mereka. Menurut Rudolf. (2021), kelas tambahan berbayar boleh memberikan peluang kepada pelajar untuk mengatasi kelemahan akademik dan mencapai potensi penuh mereka, terutama dalam mata pelajaran yang mencabar seperti Matematik dan Sains. Kajian oleh Makhbubakhon & Ikhtiyor (2024) turut menyokong pandangan ini dengan menunjukkan bahawa kelas tambahan memberi impak positif terhadap peningkatan skor peperiksaan pelajar, terutamanya dalam subjek-subjek yang memerlukan latihan dan pemahaman mendalam.

Namun demikian, keberkesanan kelas tambahan juga bergantung kepada kualiti pengajaran dan kemahiran guru. Lee (2013) menyatakan bahawa keberkesanan kelas tambahan sangat dipengaruhi oleh kebolehan pengajaran guru dan keberkesanan teknik pengajaran yang digunakan. Ini bermakna, meskipun kelas tambahan dapat memberi manfaat, kesannya terhadap prestasi pelajar bergantung kepada tahap kualiti pengajaran yang diterima.

7. Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai tahap kesedaran, faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan ibu bapa luar bandar dalam menghantar anak mereka ke kelas tambahan berbayar, serta halangan yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa kelas tambahan berbayar mempunyai potensi yang besar untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar, terutamanya dalam subjek-subjek teras yang penting untuk kejayaan pendidikan dan kerjaya masa depan. Untuk meningkatkan aksesibiliti dan keberkesanan kelas tambahan di kawasan luar bandar, kerajaan dan pihak berkepentingan perlu memperkenalkan inisiatif sokongan kewangan, program subsidi, serta peningkatan latihan dan sumber guru untuk memastikan bahawa semua pelajar, terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar, dapat memanfaatkan peluang pendidikan tambahan ini dengan lebih baik.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Pusat Tuisyen Akademik Darul Bakti Kubang Pasu kerana menyediakan geran untuk menjalankan penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berhubung dengan penerbitan artikel ini.

Sumbangan Pengarang

Penulis 1 menjalankan kerja lapangan, menyediakan ulasan literatur dan menganalisis dan mentafsir data. Penulis 2 menyemak bahasa dan kerja penulisan.

Rujukan

- Awang, M. M., Ahmad, A. R., & Allang, B. A. Mohd Mahzan Awang, Abdul Razak Ahmad & Bennedine Albert Allang (2021). Rural Education: How Successful Low-Income Students Received Socio-Educational Supports from Families, School Teachers and Peers? *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(1), 311–320
- Bernard J. Baars, Natalie Geld, Robert Kozma. (2021). Global workspace theory (GWT) and prefrontal cortex: Recent developments. *Frontiers in psychology*, 12, 749868. <https://doi:10.3389/fpsyg.2021.749868>
- Bray (2013). *Shadow Education: Private Supplementary Tutoring and Its Implications for Policy Makers in Asia*. UNESCO.
- Fairuz Fadzilah Rahim, Siti Fatimah Kader Maideen, Surajudeen Abiola Abdulrahman & Abdul Rashid (2023). Multinational municipal waste collectors and leptospirosis prevention: Assessment of knowledge, attitudes, practices and the associated factors. *Clinical Epidemiology and Global Health*, 20, 101235. <https://doi.org/10.1016/j.cegh.2023.101235>
- Hamid, J. A., & Yusof, N. M. (2020). Factors affecting students' participation in private tuition: Parental perspectives. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(1), 83–106. <https://doi.org/10.32890/mjli2020.17.1.4>
- Icek Ajzen (1991). The theory of planned behavior, *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211, [https://doi.org/10.1016/07495978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/07495978(91)90020-T)
- Ismail, N. A., Rahman, A., & Jamil, H. (2020). Private Tuition and Parental Involvement: A Comparative Study Between Urban and Rural Settings in Malaysia. *International Journal of Educational Research Review*, 5(2), 134–145. <https://doi.org/10.24331/ijere.738018>
- Ismail, Z., & Awang, H. (2019). Parental involvement in education among rural communities in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(6), 530–541. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i6/6011>
- Jack Fraenkel, Norman Wallen & Helen Hyun (1993). *How to Design and Evaluate Research in Education* 10th ed. McGraw-Hill Education.
- John W. Creswell, (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. (4th Edition), Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc.
- Lee, J.Y. (2013). Private tutoring and its impact on students' academic achievement, formal schooling, and educational inequality in Korea. Columbia University, 21-34 (PDF) Private Tutoring and its Effect on Students' Learning Performance. Available from: https://www.researchgate.net/publication/378778605_Private_Tutoring_and_its_Effect_on_Students'_Learning_Performance [accessed Apr 22 2025].
- Makhbubakhon Shokirova, Ikhtiyor Rasulov (2024). Private Tutoring and its Effect on Students' Learning Performance. *Journal of Language Development and Linguistics (JLDL)* Vol. 3, No. 1 2024: 1-8
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muthusamy (2021). Parental engagement and its impact on students' academic achievement in Malaysian rural schools. *Asian Journal of University Education*, 17(4), 45–60. <https://doi.org/10.24191/ajue.v17i4.16087>
- Norlia Harun & Faizah Abd. Ghani. (2016). Kesahan dan kebolehppercayaan soal selidik amalan belajar pelajar berpendapatan rendah Sekolah Berasrama Penuh, *Jurnal Kemanusiaan*, 14(3), 40-52,
- OECD. (2018). *Equity in Education: Breaking Down Barriers to Social Mobility*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/9789264073234-en>
- Osman Rani Hassan & Rajah Rasiah (2008). Poverty and Student Performance in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 26(1), 1–21
- Rudolf, R. and Kang, K. (2020). How to reach a top college? Private tutoring vs. student interests in the race for college entrance success in Korea, Division of International Studies, Korea University, 1-40. (PDF) Private Tutoring and its Effect on Students' Learning Performance. Available from: https://www.researchgate.net/publication/378778605_Private_Tutoring_and_its_Effect_on_Students'_Learning_Performance (accessed Apr 22 2025).
- Suparna Baidya, Suvendu Ray & Deb Prasad Sikdar (2024). Parental Perception and Attitude towards Private Tuition: A Cross-Sectional Study among Daily Wage Earners. *RESEARCH REVIEW International Journal of Multidisciplinary*, 9(6), 279–288. <https://doi.org/10.31305/rrijm.2024.v09.n06.034>

- Sylviana Mantihal & Siti Mistima Maat. (2020). Pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik: Satu tinjauan sistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 82-91.
- Tajul Nizam Ibrahim, Zaharah Hussin & Ahmad Zabidi Abd Razak (2024). Pengurusan bakat pelajar sekolah untuk kemenjadian insan: keperluan dan cabaran. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 12(2), 28-41. <https://doi.org/10.22452/juku.vol12no2.4>
- Tan, Y. S., & Santhiram, R. (2019). Pendidikan Bahasa Inggeris di Sekolah Luar Bandar: Isu Akses dan Kesamarataan. *Asia Pacific Journal of Education*, 39(4), 493–507. <https://doi.org/10.1080/02188791.2019.1671804>
- The Star. (2023). Stretching the teachers thin. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/06/stretching-the-teachers-thin> (accessed Apr 22 2025)
- Yong Byun & Hyun Joon Park (2012). The Academic Success of East Asian American Youth: The Role of Shadow Education. *Sociology of Education*, 85(1), 40–60. <https://doi.org/10.1177/0038040711417018>